

NO. SOALAN : 21

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL

TARIKH : 16 NOVEMBER 2016 (RABU)

SOALAN : 21

YB Ir. Shaharuddin bin Ismail minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah transformasi yang diambil oleh Kementerian untuk tingkatkan lagi tahap keselamatan perairan negara sebagai langkah bagi mengatasi masalah pencerobohan rentas sempadan di antara Malaysia - Thailand (Kuala Perlis - Satun).

JAWAPAN: YB. DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di-Pertua,

Maritim Malaysia berfungsi untuk menjaga dan memelihara keselamatan, keamanan dan kedaulatan negara di Zon Maritim Malaysia serta menyelamatkan nyawa dan harta benda semasa kecemasan di laut. Agensi ini telah meningkatkan rondaan dan kawalan 24/7 terutama di perairan Negara yang menjadi lokasi panas (*hotspots*) berlakunya kes-kes jenayah di laut. Aset-aset APMM diatur gerak secara optimum mengikut *Key Performance Indicator* (KPI) yang telah ditetapkan oleh Agensi ini dimana, sebanyak 42 aset perlu beroperasi dilaut pada setiap hari.

Bagi mengatasi masalah pencerobohan rentas sempadan di antara Malaysia - Thailand (Kuala Perlis - Satun). Maritim Malaysia telah melaksanakan Ops Satria Utara bagi memastikan perairan Kuala Perlis dan Satun sentiasa dipantau. Kerjasama pelaksanaan rondaan bersama Tentera Laut Di Raja Malaysia (TLDM) di sempadan juga dilaksanakan.

Maritim Malaysia juga telah mengadakan kerjasama yang erat diantara penguatkuasa Thailand di Satun. Perbincangan turut diadakan pada setiap bulan, fokus kepada keselamatan di perairan kedua-dua Negara. Di samping itu, Maritim Malaysia juga menggerakkan Radar Mudah Alih bagi memantau pencerobohan di perairan Kuala Perlis dan Langkawi. Pasukan risikan Maritim Malaysia juga bergiat aktif di kawasan tersebut.

Tuan Yang Di-Pertua,

Maritim Malaysia telah mengambil langkah-langkah transformasi seperti mengaktifkan Sahabat Maritim dengan mengadakan program kerjasama komuniti maritim terutamanya para nelayan di kawasan-kawansa panas (*hotspot*) yang telah dikenal pasti disetiap Daerah Maritim.

Selain itu, Maritim Malaysia juga telah mengambil langkah proaktif dengan menyegerakan penubuhan Pasukan Sukarelawan Simpanan Maritim Malaysia (PSSMM) supaya sukarelawan yang dilantik akan menjadi mata dan telinga (*eyes and ears*) kepada agensi dalam menyalurkan maklumat-maklumat dengan pantas dan segera.

Antara lain, Maritim Malaysia sentiasa merancang kegunaan aset-aset baru selaras dengan isu-isu yang sering dibangkitkan. Terdapat projek pembinaan bagi enam (6) buah kapal *New Generation Patrol Craft* (NGPC) melibatkan peruntukan sebanyak RM381,300,000 manakala bagi tiga (3) buah kapal *Offshore Patrol Vessel* (OPV) pula diperuntukkan sebanyak RM740 juta. Bot pertama (NGPC) akan siap pada bulan November manakala bagi OPV pula masih dalam rundingan.

Sekian, terima kasih.